

**PANDUAN CALON TEMU DUGA PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (ISMP)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)**

TEMU DUGA BAGI KEMASUKAN KE UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA SESI AKADEMIK 2026/2027-1

1. Tahniah kepada semua calon temu duga program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan UTM bagi sesi 2026/2027-1
2. Semua calon yang terpilih untuk temu duga dikehendaki muatnaik (*upload*) dokumen dalam format PDF **selewat-lewatnya pada 5 Jun 2026** bagi semua butiran berikut :-
 - a. **Gambar berukuran passport**
 - b. **Surat panggilan temuduga**
 - c. **Borang Pengesahan Kesihatan (sila muat turun borang ini)**
 - d. **Sijil kelahiran**
 - e. **Salinan kad pengenalan**
 - f. **Salinan sijil SPM**
 - g. **Salinan sijil STPM/Matrikulasi/Asasi/Diploma**
 - h. **Sijil MUET atau slip pendaftaran MUET (bagi yang belum mendapat Keputusan MUET)**
 - i. **Borang Maklumat Peribadi (sila muat turun borang ini)**
 - j. **Lain-lain dokumen untuk menyokong permohonan**

Semua hasil salinan sijil calon hendaklah mendapat pengesahan daripada Pegawai Kerajaan Gred 9 ke atas (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan A). Tandatangan bagi pihak (b/p) adalah tidak dibenarkan.

Semua dokumen hendaklah dimuatnaik dalam bentuk PDF di <https://festapps.utm.my/mytemubual/>

Username : **Email berdaftar dengan UPU**

Password : **Nombor kad pengenalan**

3. Semakan butiran temu duga calon ISMP boleh dibuat mulai **22 Mei 2026** di <https://festapps.utm.my/semaktemubual/> dan temu duga akan dijalankan secara bersemuka bermula **9 Jun hingga 22 Jun 2026** mengikut zon yang telah ditetapkan.
4. Khusus bagi calon Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Sains Sukan) dengan Kepujian (SHPSH), calon yang terpilih untuk temu duga program SHPSH diminta untuk membawa pakaian sukan bagi melakukan Ujian Kecergasan fizikal selepas sesi temu duga dijalankan.
5. Semua calon diminta untuk menyertai Group Telegram ISMP 2026/2027 UTM di pautan <https://t.me/+CguFQmL6yBkzNjNI>
6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi urus setia **Pn. Norhila** di talian **017-7736174** atau emelkan ke ugfest@utm.my atau calon boleh membuat pertanyaan terus ke *group* telegram temu duga.

PERKARA**TARIKH BERKAITAN**

Pengesahan setuju terima temuduga

Mulai 22 Mei 2026

Penghantaran dokumen

22 Mei hingga 5 Jun 2026

Sesi Temu duga ISMP dijalankan

9 hingga 22 Jun 2026

MAKLUMAT PENTING :

1. Borang Maklumat Calon ISMP
<https://fest.utm.my/wp-content/uploads/2026/05/BORANG-MAKLUMAT-PERIBADI-ISMP.pdf>
2. Borang Pengesahan Kesihatan Calon ISMP
<https://fest.utm.my/wp-content/uploads/2026/05/BORANG-PENGESAHAN-KESIHATAN-ISMP.pdf>
3. Pautan Group Telegram Temuduga ISMP UTM - <https://t.me/+CguFQmL6yBkzNjNI>